

TARIKH : MEI 17, 2022 (SELASA)
MEDIA : SINAR HARIAN
BAHAGIAN : NEGERI
MUKA SURAT : 24



Masalah air berlarutan sejak Ramadan, penduduk adakan demonstrasi aman

Oleh NORAWAZNI YUSOF

ROMPIN

Lebih 600 penduduk di Kampung Kasing di sini, mengakui tidak tahan dengan isu gangguan bekalan air bersih di kampung mereka sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Penduduk mendakwa, masalah bekalan air semakin meruncing sejak Ramadan lalu dan sehingga kini tiada jalan penyelesaian bagaikan menyeksa kehidupan mereka untuk mendapatkan air.

Susulan itu, seramai 30 penduduk Kampung Kasing mengadakan demonstrasi aman bagi membolehkan pihak berkaitan mendengar rintihan mereka dan menyelesaikan isu membelenggu mereka.

Difahamkan gangguan bekalan air bersih berlarutan di mukim Endau bukan sahaja melibatkan Kampung Kasing, tetapi juga beberapa kampung lain seperti Kampung Setajam, Kampung Kurnia, dan Kampung Pianggu.

Penduduk, Muhammad Hafiz Mohd Dee, 32, berkata, masalah ini mula membelenggu penduduk ketika sambutan Aidilfitri apabila terpaksa mengangkut air bagi keperluan harian.

Dia mengakui bimbang dengan keadaan ibu bapa mereka di kampung yang terpaksa mengangkut air setiap kali berlakunya

'Seksanya hidup bila bekalan air kerap terputus'



MUHAMMAD HAFIZ



NORHAFIDAH



HASNAH

gangguan bekalan.

"Saya yang muda kalau angkut air masih boleh terima, tapi bayangkan mak dan ayah serta mereka yang berumur terpaksa angkut air mereka sudah la tiada tenaga.

"Hendak menangis pun ada, sebab hanya penduduk rasa kepayahan ini terpaksa tadah air dan angkut air pagi dan malam," katanya ketika ditemui di Kampung Kasing di sini pada Isnin.

Menurutnya, tangki air yang dianggarkan bernilai jutaan ringgit yang dibina pada 2012 di kawasan berhampiran masih tidak dimanfaatkan dan menjadi projek gajah putih.

"Masalah ini sudah diadakan kepada pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) dan mereka menyatakan air terpaksa dicatu kerana tekanan rendah.

"Jadi, kami memohon jasa baik pihak berkenaan me-

nyesahkan segera isu ini, kami tidak boleh tunggu lagi, ini bukan main-main, ini keperluan," katanya yang merupakan penjawat awam.

Bagi suri rumah Hasnah Bakar, 58, berkata, gangguan bekalan air menjejaskan lebih 100 rumah di Kampung Kasing pada awal bulan lalu.

Menurutnya, beberapa kampung berhampiran iaitu Kampung Setajam, Kampung Kurnia dan Kampung Pianggu turut berdepan dengan masalah sama, namun gangguan itu tidak seteruk Kampung Kasing.

"Saya sudah 41 tahun menetap di Kampung Kasing dan tahun ini paling teruk. Kalau dulu dua hari sekali dan malam ada juga air boleh disimpan tetapi sejak penghujung Ramadan sampai sekarang air tiada berterusan.

"Ada sekali pihak berkenaan hantar air yang berwarna merah,



Penduduk di Kampung Kasing menaikkan kain rentang dengan pelbagai luahan susulan gangguan bekalan air bersih yang menyeksa kehidupan mereka.

bila saya guna untuk mandi badan gatal-gatal dan terpaksa pergi ke stesen minyak untuk mandi semula," katanya.

Senada dengan itu, Norhafidah Abd Rahman, 34, memaklumkan terpaksa menggunakan air mineral untuk memasak dan minum selepas mengalami gangguan bekalan air.

"Jadi, saya harap pihak berkaitan segera bantu tangani masalah ini, itu sahaja yang penduduk kampung minta," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tioman, Datuk Seri Mohd Johari Hussain memaklumkan permasalahan itu telah dibawa ke peringkat tindakan kerajaan Pahang dan dibincangkan bersama pihak Paip.

Menurutnya, perbincangan itu sudah diadakan bagi mencari jalan penyelesaian segera termasuk memasang paip bagi menyedut air ke tangki air.

"Perkara ini mendapat perhatian Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Wan yang turun padang bersama Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Sallehuddin Ishak bagi mencari jalan penyelesaian terutama kawasan tumpuan di daerah Rompin ini.

"Sebanyak RM43 juta diperuntukkan untuk tujuan mengatasi permasalahan kawasan tumpuan Rompin.

"Projek-projek ini akan dijalankan segera dan akan melibatkan perjumpaan dengan pemimpin setempat," katanya.